

NO. SOALAN: ~~48~~<sup>58</sup>

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah pendirian Kerajaan yang sebenar terhadap hak asasi manusia; dan
- (b) bagaimana hak asasi manusia mengancam agama Islam.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Komitment kerajaan terhadap isu hak asasi manusia adalah sangat jelas dan ini dapat dilihat melalui pelantikan seorang Menteri yang bertanggungjawab terhadap isu hak asasi manusia iaitu Datuk Paul Low Seng Kuan, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

(SUHAKAM), penglibatan Kerajaan dalam ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) dengan memainkan peranan dalam merangka Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, sokongan Kerajaan kepada badan-badan serantau seperti Forum Asia Pasifik (APF), yang merupakan salah satu daripada rangkaian institusi hak asasi manusia yang wujud di seluruh dunia, keahlian di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Majlis Hak Asasi Manusia, penglibatan Kerajaan sebagai tentera pengaman bagi PBB yang terlibat dalam usaha pengaman dan penyelamatan di beberapa negara bergolak termasuklah menyelamatkan tentera Amerika Syarikat dalam kejadian "Black Hawk Down" di Somalia dan penerimaan Malaysia terhadap Deklarasi Kaherah mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang diperkenalkan oleh OIC.

Komitmen kerajaan dalam isu hak asasi adalah sesuatu yang berterusan termasuklah melibatkan diri dalam proses Semakan Berkala Sejangat (UPR) di mana rekod hak asasi manusia Malaysia dan pelaksanaan cadangan negara-negara anggota PBB mengenai isu-isu hak asasi dinilai. Saranan dan cadangan ini merupakan satu elemen yang sangat penting kepada Malaysia sebagai salah satu negara yang terlibat dalam komuniti antarabangsa dan juga dalam bidang hak asasi manusia.

(b) Islam menitik beratkan hak asasi manusia dan menafsirkan hak asasi manusia selaras dengan fitrah manusia itu sendiri. Jaminan mempertahankan hak asasi adalah tertakluk kepada selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syariah dan ajaran Islam serta menurut

kerangka Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 3(1) berhubung keistimewaan kedudukan Islam sebagai agama Negara. Penafsiran hak asasi manusia menurut acuan Barat jelas memperlihatkan ianya berbentuk *absolute* dan bebas tanpa sekatan. Ianya berbeza dengan penakrifan hak asasi manusia dalam Islam yang dirumuskan dalam Maqasid Syar'iyah iaitu menegakkan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia daripada keburukan.

Tuntutan hak asasi manusia yang berlatar belakangkan fahaman sekular-liberal-plural agama sehingga membelakangi Perlembagaan Persekutuan menjadi ancaman bukan sahaja kepada agama Islam malah kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam

Sekian, terima kasih.